



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**
Aras G - 6, Rumah Persekutuan
Jalan Sultan Hishamuddin
50678 KUALA LUMPUR
MALAYSIA.

Tel. : 03-2610 3300
Faks : 03-2610 3499
Portal Rasmi : www.ptgwp.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : PTG/WP.DFTR.600-3/1/1 JLD.15 (8)
Tarikh : 30 April 2026

BADAN PEGUAM MALAYSIA

No. 13, 15 & 17
Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur

JAWATANKUASA PEGUAM KUALA LUMPUR

4th Floor
Wisma Hangsam
No. 1, Jalan Hang Lekir
50000 Kuala Lumpur

JAWATANKUASA PEGUAM SELANGOR

No. 41, Jalan Bola Jaring 13/15
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**JEMPUTAN KE SESI TAKLIMAT DAN SUAI KENAL (*FAMILIARIZATION*)
SISTEM TERRA BOX DI PEJABAT TANAH DAN GALIAN WILAYAH
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL) dalam proses pelaksanaan urusan perserahan dan kutipan dokumen melalui Terra Box. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dengan segala hormatnya dijemput ke sesi taklimat dengan ketetapan seperti di bawah:-

Tarikh : 7 Mei 2026 (Khamis)

Masa : **Sesi 1** - 9.30 pagi - 11.00 pagi
Sesi 2 - 2.30 petang - 3.45 petang

Tempat : Dewan Serbaguna, Aras 4
Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

3. YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dibenarkan hadir ke mana – mana sesi sepertimana ketetapan seperti di atas. Semoga dengan kehadiran YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan ke sesi ini, inisatif pelaksanaan Terra Box dapat dilaksanakan dengan jayanya. Jika terdapat sebarang pertanyaan, pihak urus setia sedia membantu dan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh kami di talian 03-2610 3404/ 3397/ e-mel di pendaftaran@ptgwp.gov.my.

4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(ROZAINI BIN ROSLEY)

Tarikh: 5 Mei 2026

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Tuan/ Puan,

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan e-mel di bawah.

2. Selaras dengan jemputan seperti di atas, dimaklumkan Dewan Serbaguna di Aras 4 boleh memuatkan sebanyak 100 orang dalam satu sesi. Bagi tujuan kehadiran, pihak tuan/ puan boleh mengemukakan pengesahan kehadiran melalui pautan ini <https://forms.gle/QraE2qZH6wook7yT8>.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

'Saya yang menjalankan amanah'



(MOHD NASRUL BIN MOHD NAWI)

Penolong Pengarah/ *Assistant Director*

Bahagian Pendaftaran Hakmilik/ *Title Registration Department*

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan/ *Federal Territories Director of Lands and Mines Office*

Alamat/ *Address* : Aras G - 6, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, 50678 Kuala Lumpur